

GARIS PANDUAN DANA APUNGAN PENERBITAN BUKU FAKULTI UNDANG-UNDANG 2026

1.0 LATAR BELAKANG

Dana Apungan Penerbitan Buku FUU 2026 bertujuan untuk membantu pembiayaan kos penerbitan buku bagi mencapai KPI MyRA dan Strategik Fakulti.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menyokong penerbitan buku akademik dan ilmiah oleh staf FUU
- 2.2 Menggalakkan penghasilan karya ilmiah yang menyumbang kepada Pembangunan ilmu perundangan.

3.0 SYARAT KELAYAKAN

- 3.1 Terbuka kepada semua pensyarah FUU dengan syarat *'first come first serve'*;
- 3.2 Buku bersifat akademik atau ilmiah;
- 3.3 Manuskrip telah diterima dan diterbitkan pada tahun semasa ;
- 3.4 Penulis utama mestilah staf akademik aktif;
- 3.5 Dana hanya diberikan kepada permohonan yang tidak mempunyai geran atau jika geran yang dimiliki tidak sepadan dengan tajuk manuskrip yang dipohon;
- 3.6 Dana hanya diberikan sekali bagi setiap pemohon;
- 3.7 Jika manuskrip ditarik balik selepas dana diberikan, pemohon perlu memulangkan jumlah dana yang diterima
- 3.8 Had maksimum pembiayaan sebanyak RM 5,000 bagi satu manuskrip

4.0 TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara rasmi kepada Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi (TDPI), FUU;
- 4.2 Semua dokumen sokongan perlu dikemukakan dengan lengkap;
 - Borang permohonan seperti di pautan : <https://tinyurl.com/BorangDanaBuku26>
 - Salinan bukti penerimaan manuskrip (surat/emel)
 - Salinan bukti transaksi pembayaran (invois/resit/penyata kad kredit)
 - Salinan penyata bank (nama pemohon dan nombor akaun)
 - Salinan manuskrip yang diterima
 - Borang Daftar Pembekal (jika berkaitan) untuk bayaran terus sahaja
- 4.3 Permohonan akan dipertimbangkan oleh Kedekanan FUU
- 4.4 Keputusan kelulusan akan dimaklumkan dalam tempoh 30 hari selepas permohonan lengkap diterima

Pejabat Timbalan Dekan Penyelidik dan Inovasi (TDPI)
Fakulti Undang-undang
9 Januari 2026

Diluluskan dalam Mesyuarat Kedekanan Bil.1/2026 bertarikh 13 Januari 2026.